




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 449 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 43,251 kes. Empat (4) kes kematian direkodkan iaitu tiga (3) kes di Lahad Datu dan satu (1) kes di Tuaran. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 379 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 38,989 orang. Sejumlah 2,957 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 762 orang di hospital dan 2,195 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 77 orang dan 19 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan berubah dari zon kuning ke zon jingga.

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 449 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 338 kes (75.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 77 kes (17.1%), saringan kluster-kluster sedia ada 7 kes (1.6%) dan rentas negeri 4 kes (0.9%) dan 23 kes (5.1%) adalah daripada lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,036 unit. Manakala, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam pula berjumlah 4,593 unit. Jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara pula kekal 1,100 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,729 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 43.94%.

B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga hari ini, sebanyak **318,086** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

C. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 65 SJR telah dilaksanakan melibatkan pemeriksaan 30,127 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 84 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun 41 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 65 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 43 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 10 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam 16 premis di tujuh (7) daerah iaitu Tawau, Kudat, Kinabatangan, Keningau, Semporna, Kota Kinabalu dan Kunak.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 116 lokasi di 12 daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.95%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Ranau	94%
2	Beluran	94%
3	Sipitang	94%
4	Tenom	93.5%
5	Beaufort	93%
6	Kunak	93%
7	Semporna	93%
8	Kota Marudu	93%
9	Tuaran	93%
10	Papar	93%
11	Keningau	93%
12	Penampang	93%
13	Kota Belud	93%
14	Kinabatangan	93%
15	Kudat	93%
16	Sandakan	92%
17	Lahad Datu	92%
18	Tawau	92%
19	Kota Kinabalu	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

Marilah bersama-sama membendung wabak COVID-19 dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan khususnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuat kuasa.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

16 Januari 2021